

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]**

**TARIKH : 12 Jun 2014 (Khamis)**

**YB Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta sasaran Kerajaan dalam mengurangkan keberkesanan pegangan dalam GLC dalam tempoh empat tahun akan datang.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Ekonomi yang berhasrat untuk membangunkan Malaysia ke arah status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 bertujuan untuk mengalakkan sektor swasta menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2020, sektor swasta dijangkakan akan menyumbang sebanyak 92 peratus daripada pelaburan dalam bidang NKEA. Dengan ini, wajarlah sekiranya Kerajaan mengurangkan peranannya dalam perniagaan dan beralih menjadi fasilitator.

Kerajaan telah pun bergerak ke arah mencapai aspirasi ini dengan penubuhan SRI Mengurangkan Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan (GRIB). Inisiatif di bawah SRI ini tidak tertakluk kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) sahaja. Kerajaan hanya akan terus memegang aset yang strategik kepada kepentingan nasional dan penyampaian perkhidmatan awam.

Untuk makluman, pada tahun 2009, berdasarkan harga tetap tahun 2005, pelaburan sektor swasta menyumbang sebanyak 51.7% daripada jumlah pelaburan negara. Angka ini melonjak kepada 60.9% daripada jumlah pelaburan di negara ini pada tahun 2013. Selain itu, pelaburan swasta sebagai peratusan daripada KDNK adalah yang tertinggi pada tahun 2013 iaitu sebanyak 16.9 peratus, manakala pelaburan awam pula menyumbang 10.9 peratus.

Di bawah SRI GRIB, aset milik Kerajaan dan Negeri akan dilepaskan dengan sewajarnya. Setakat ini, sembilan buah syarikat milik kementerian telah disasarkan untuk pelepasan pegangan berdasarkan garis masa yang ditetapkan. Salah satu pencapaian di bawah SRI ini, Kementerian Belia dan Sukan telah melepaskan pegangannya dalam Stadium First Sdn Bhd, subsidiari Stadium Malaysia Corporation, melalui proses tender terbuka. Pelepasan pegangan ini telah disempurnakan pada bulan Jun 2013.

Sementara itu, pelaksanaan penjualan saham oleh Kerajaan akan melibatkan penjualan pemilikan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam syarikat tersenarai dan entiti lain. Buat masa ini, 33 buah syarikat telah dikenal pasti untuk pelepasan saham. Daripada 33 syarikat yang disasarkan ini, pelepasan saham bagi 23 syarikat telah disempurnakan

pada bulan November 2013. Pada bulan Oktober 2013, Khazanah Nasional Bhd telah melepaskan semua pegangannya dalam pengendali telefon mudah alih, DiGi.Com Bhd. Kepentingannya dalam syarikat tersebut bernilai RM293.5 juta.

Antara cabaran yang dihadapi dalam penjualan kepentingan Kerajaan ialah keperluan untuk mengimbang tugas fidusiari pemilik dengan keadaan pasaran, yang mungkin memberi impak kepada penetapan harga. Bagaimanapun, SRI GRIB akan terus memantau syarikat di bawah program pelepasan saham Kerajaan, selari dengan usaha Kerajaan untuk memudahkan persekitaran yang berdaya saing untuk perniagaan dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam memacu ekonomi.

Kerajaan yakin bahawa sektor swasta akan terus meneraju ekonomi negara kita dengan fasilitasi dan polisi yang memudahkan pelaburan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**  
**TARIKH : 12 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagi memastikan hak pengguna dilindungi, apakah rancangan pihak Kementerian dalam membanteras lambakan ubat-ubatan haram yang tidak mendapat pengiktirafan dan sijil kelulusan daripada Kementerian seterusnya melindungi pengguna sama ada secara terus atau melalui internet.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelbagai langkah telah diambil oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memerangi gejala penjualan produk tidak berdaftar dan ubat-ubatan palsu/tiruan di Malaysia. Penguatkuasaan pendaftaran produk dan penggunaan pelekat keselamatan hologram Meditag pada produk farmaseutikal telah membantu untuk mengawal produk farmaseutikal yang tidak berdaftar dan produk palsu/tiruan di Malaysia. Alat dekoder Meditag bagi mengenal pasti

produk farmaseutikal yang berdaftar dengan KKM juga telah diedarkan ke semua premis farmasi seluruh Negara. Alat ini digunakan bagi memastikan kesahihan pelekat keselamatan hologram Meditag pada bungkusan produk yang seterusnya memastikan ketulenan produk yang dibeli.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM juga telah membuat pindaan dalam undang-undang dan mengubal satu Akta Farmasi yang baru yang mengenakan denda yang tinggi dan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan menjual/membuat ubat-ubatan tidak berdaftar dan ubat-ubatan palsu/tiruan di pasaran. Hukuman dalam akta yang sediaada adalah terlalu rendah dan tidak memberikan keinsafan dan pengajaran kepada pihak yang terlibat.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Langkah proaktif lain yang telah dijalankan dalam mengurangkan permintaan produk tidak berdaftar dan produk tiruan di kalangan masyarakat adalah melalui kempen kesedaran dan pendidikan pengguna. Tumpuan diberikan dalam aktiviti penyebaran maklumat dan pendidikan kesedaran tentang kawalan, penggunaan dan penjualan ubat dan kosmetik di pasaran serta bagaimana untuk membuat pilihan yang bijak supaya tidak terpengaruh dengan iklan dan promosi penjualan ubat-ubatan atau produk kesihatan secara atas talian. Aktiviti ini melibatkan pameran interaktif dimana pengunjung didedahkan dengan maklumat terkini berhubung kawalan terhadap produk farmaseutikal di Malaysia dan ditunjukkan sampel produk-produk yang terlarang. Disamping itu, dialog melibatkan kumpulan pendengar yang berbeza turut dijalankan sama ada melalui

media seperti televisyen dan radio ataupun secara khusus kepada pelesen, pengamal perubatan, pengiklan, media dan sebagainya. Aktiviti ceramah turut dijalankan melibatkan segenap lapisan masyarakat daripada pelajar, penjawat awam dan penduduk samada di bandar atau luar bandar.

Teknologi terkini turut digunakan dalam menyampaikan maklumat kepada pengguna dengan memuatnaik maklumat penting dalam laman rasmi Bahagian Perkhidmatan Farmasi di [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my).